

**Selangor Gagal Bezakan Program Rasmi Kerajaan Dengan Politik - Noh  
Bernama  
2 September, 2012**

SHAH ALAM, 2 Sept (Bernama) -- Kerajaan Parti Keadilan Rakyat Selangor dilihat gagal membezakan program rasmi kerajaan negeri dan program politik apabila menjemput Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai tetamu kehormat pada sambutan malam ambang kemerdekaan di Dataran Kemerdekaan, Khamis lepas.

Timbalan Pengerusi Barisan Nasional Selangor Datuk Seri Noh Omar berkata tindakan menjemput Ketua Pembangkang itu jelas menunjukkan Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim cuba membawa budaya 'pembangkang' ke dalam pentadbiran negeri ini.

"Mengapa Anwar yang tidak berada dalam barisan kepimpinan tertinggi kerajaan negeri menjadi tetamu kehormat dalam sambutan ini, dan bukannya dalam kalangan yang memegang portfolio rasmi dalam kerajaan.

"Justeru, kami nak mendapatkan penjelasan Menteri Besar sendiri sama ada program sambutan kemerdekaan ini program rasmi kerajaan ataupun program politik," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Umno di sini hari Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691398>